



جَابِتَن كَمَا جَوَانِ إِسْلَامِ مَلَيْسِيَا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA



HIMPUNAN HADITH-HADITH SAHIH SIRI 1
KEUTAMAAN PUASA & RAMADAN

مِفْتَاحُ الرَّيَّانِ
KUNCI AR-RAYYAN



جَابَاتَانِ كَمَا جُوانِ إِسْلَامِ مَالِيسِيَا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

HAK CIPTA JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

www.islam.gov.my

Terbitan 2021

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Data Pengkatalogan dalam Penerbitan

HIMPUNAN HADITH-HADITH SAHIH SIRI 1

KEUTAMAAN PUASA & RAMADAN

(Miftah ar-Rayyan)

Reka Bentuk dan Atur Huruf

Bahagian Penyelidikan

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Aras 4&5, Blok A Kompleks Islam Putrajaya

No. 23, Jalan Tunku Abdul Rahman

Presint 3, 62100 Putrajaya

Terbitan


JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA



KANDUNGAN

MUKA SURAT

| | |
|---|----------|
| Kata Alu-Aluan Ketua Pengarah JAKIM | i |
| Mukadimah | ii |
| SIRI 1 : KEUTAMAAN PUASA & RAMADAN | 1 |
| - Puasa Ramadan Adalah Rukun Islam | 2 |
| - Kefarduan Ramadan | 4 |
| - Ramadhan Bulan Ketaatan | 7 |
| - Ramadan Bulan Keampunan | 10 |
| - Mendapat Syafaat Daripada Puasa & al-Quran | 12 |
| - Puasa Ramadan Menghapuskan Dosa | 15 |
| - Ganjaran Orang Yang Berpuasa Dari Allah SWT | 17 |
| - Dua Kegembiraan Bagi Yang Berpuasa | 19 |
| - Doa Makbul Dengan Berpuasa | 21 |
| - Ar-Rayyan Untuk Yang Berpuasa | 24 |
| - Pintu-Pintu Syurga Untuk Ahlinya | 26 |
| - Ramadan Bulan Pemurah | 29 |
| - Ancaman Kepada Yang Mensia-siakan Ramadan | 32 |
| - Tiga Golongan Yang Dicela | 34 |
| - Pembebasan Pada Setiap Malam Ramadhan | 36 |
| - Pembebasan Pada Setiap Waktu Berbuka | 38 |
| - Pembebasan Pada Setiap Hari & Malam Ramadan | 39 |
| - Pahala Berganda Bagi Orang Yang Berpuasa | 41 |
| - Fadilat Berpuasa Di Jalan Allah | 43 |
| - Puasa Adalah Perisai | 45 |
| - Puasa Adalah Taming | 47 |
| - Rujukan | 50 |
| - Penghargaan | 52 |



KATA ALU-ALUAN KETUA PENGARAH JAKIM

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين، والصلاة والسلام على أشرف
الأنبياء والمرسلين وعلى آله وصحبه أجمعين.

Segala puji bagi Allah SWT, Tuhan yang memiliki dan menguasai sekalian alam. Selawat dan salam dilimpahkan ke atas junjungan besar Nabi Muhammad ﷺ, keluarga, para sahabat dan seluruh orang yang memperjuangkan syariat-Nya sehingga hari kiamat.

Alhamdulillah, saya bagi pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada para penulis dan semua pihak yang telah berusaha bersungguh-sungguh menyiapkan buku himpunan hadith-hadith sahih yang akan dikeluarkan secara bersiri ini.

Semoga dengan himpunan hadith-hadith sahih ini dapat menjadi pedoman dan rujukan kepada masyarakat dalam menjalani amal ibadah dengan penuh keyakinan.

Akhirnya, sama-samalah kita berdoa semoga Allah SWT memberikan taufik dan inayah-Nya agar kita semua digolongkan dikalangan hamba-Nya yang bertaqwa.

آمين يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ

Sekian, terima kasih.

DATUK ABDUL AZIZ BIN JUSOH






MUKADIMAH

Segala puji bagi Allah SWT, selawat dan salam diutuskan buat junjungan baginda Nabi Muhammad ﷺ, ahli keluarga dan para sahabat Baginda ﷺ serta mereka yang mengikuti jalan Baginda ﷺ sehingga hari kemudian.

Siri himpunan hadith-hadith sahih ini diterbitkan untuk menjadi pedoman dan rujukan kepada masyarakat Islam dalam mengenali hadith-hadith sahih daripada kitab-kitab hadith yang muktabar. Dalam siri pertama ini, diberi nama **'Miftah ar-Rayyan'** (Kunci ar-Rayyan) menghimpunkan hadith-hadith sahih berkaitan Keutamaan Puasa & Ramadan bersama pengajarannya secara ringkas dan mudah agar dapat menjadi *taghrib* (galakkan) untuk mengamalkannya serta menjadi *tarhib* (ancaman) bagi memenuhi tuntutan Ramadan serta ibadah puasa itu sendiri. Seterusnya akan diikuti dengan siri kedua menghimpunkan hadith-hadith berkaitan *Qiyam* Ramadan & amalan sunnah dalam berpuasa.

Pentingnya persiapan menyambut Ramadan dan pedoman daripada para salafussoleh sebagaimana yang dikhabarkan menjadi amalan para salafussoleh melakukan persiapan enam bulan sebelumnya untuk menghadapi Ramadan dan sentiasa berdoa agar berkesempatan bertemu Ramadan sebagaimana yang dinyatakan oleh Imam Ibn Rejab al-Hanbali dalam kitabnya *'Lataif al-Ma'arif* (muka surat 154-158) : "Hadith ini...



MUKADIMAH

.... merupakan sumber asal dalam menyatakan Nabi ﷺ dan para sahabat RA akan saling mengucapkan tahniah dan memberikan khabar gembira apabila datangnya Ramadan."


Seterusnya, marilah bersama-sama menyatakan kesyukuran dan memohon keselamatan daripada sebarang gangguan untuk menelusuri Ramadan ini dengan berdoa:

اللَّهُمَّ سَلِّمْنا لِرَمَضَانَ وَسَلِّمْ رَمَضَانَ مِنَّا،
وَتَسَلِّمْهُ مِنَّا مُتَقَبَّلًا

(Ya Allah, berilah keselamatan kepada kami untuk (menghadapi) Ramadan. Berilah kesejahteraan Ramadhan untuk kami dan terimalah ibadah Ramadhan daripada kami dengan sebenar-benar penerimaan)".
(Diriwayatkan oleh al-Tabrani dalam kitabnya al-Du'a', no. 912, al-Dailami dalam musnad al-Firdaus, daripada Ubadah bin Somit RA, beliau berkata: "Adalah Rasulullah ﷺ telah mengajarkan kepada kami beberapa kalimah doa apabila datangnya Ramadan.")

Semoga Allah SWT dengan kemurahan-Nya dan keberkatan kekasih-Nya Nabi Muhammad ﷺ menerima usaha yang sedikit ini dan menjadi asbab bertambahnya kecintaan kepada Baginda ﷺ .

Penyusun



SIRI 1

KEUTAMAAN PUASA & RAMADAN

Puasa Ramadan difardukan pada bulan Syaaban tahun kedua hijrah. Ibadah puasa memang telah diketahui oleh umat yang terdahulu dan juga ahli-ahli kitab yang hidup sezaman dengan Nabi SAW. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ
الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن
قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

Maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang yang terdahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa.”

(Surah al-Baqarah, ayat 183)

PUASA RAMADAN ADALAH RUKUN ISLAM

١ - عَنْ ابْنِ عُمَرَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسَةٍ، عَلَى أَنْ يُوحَّدَ اللَّهُ وَإِقَامِ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ وَصِيَامِ رَمَضَانَ وَالْحَجِّ، فَقَالَ رَجُلٌ: الْحَجُّ وَصِيَامُ رَمَضَانَ؟ قَالَ: لَا، صِيَامُ رَمَضَانَ وَالْحَجُّ، هَكَذَا سَمِعْتُهُ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

-أخرجه مسلم في صحيحه، كتاب الإيمان، باب بيان أركان الإسلام ودعائمه العظام، حديث رقم 16.

Maksudnya:

Daripada Ibn 'Umar RA, dari Nabi ﷺ bersabda: "Islam dibangun di atas lima rukun; Mentauhidkan Allah, mendirikan solat, menunaikan zakat, berpuasa Ramadan dan (menunaikan) haji." Lantas seorang lelaki bertanya: "Apakah haji dan (kemudian) puasa Ramadan?" Baginda menjawab: "Tidak, puasa Ramadan dan (kemudian) haji." Demikianlah aku mendengarnya daripada Rasulullah ﷺ."

(Riwayat Muslim, *Kitab al-Iman, Bab Bayanu Arkani al-Islami wa Da'imihi'al-Ízhom*, no. 16)

PENGAJARAN HADITH

1. Islam tertegak di atas lima rukun. Setiap rukun Islam mempunyai tuntutan yang tersendiri yang hendaklah dilaksanakan oleh setiap muslim.
2. Berpuasa di bulan Ramadan merupakan rukun Islam yang ke-empat sebelum menunaikan haji. Ianya mengikut tuntutan yang lebih utama dalam kefarduannya.
3. Tanpa salah satu daripada rukun Islam ini, keislaman seseorang itu boleh musnah sebagaimana sebuah khemah yang mempunyai lima batang tiang tetapi apabila satu tiangnya patah akan merobohkan seluruh khemah tersebut.



KEFARDUAN PUASA

٢- عَنْ طَلْحَةَ بْنِ عُبَيْدِ اللَّهِ، أَنَّ أَعْرَابِيًّا جَاءَ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَائِرِ الرَّأْسِ ، فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَخْبِرْنِي مَاذَا فَرَضَ اللَّهُ عَلَيَّ مِنَ الصَّلَاةِ؟ فَقَالَ: الصَّلَوَاتِ الْخُمْسَ، إِلَّا أَنْ تَطَوَّعَ شَيْئًا، فَقَالَ: أَخْبِرْنِي مَا فَرَضَ اللَّهُ عَلَيَّ مِنَ الصِّيَامِ؟ فَقَالَ: شَهْرَ رَمَضَانَ، إِلَّا أَنْ تَطَوَّعَ شَيْئًا، فَقَالَ: أَخْبِرْنِي بِمَا فَرَضَ اللَّهُ عَلَيَّ مِنَ الزَّكَاةِ؟ فَقَالَ: فَأَخْبِرُهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ شَرَائِعَ الْإِسْلَامِ، قَالَ: وَالَّذِي أَكْرَمَكَ لَا أَتَطَوَّعُ شَيْئًا وَلَا أَنْقُصُ مِمَّا فَرَضَ اللَّهُ عَلَيَّ شَيْئًا، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَفْلَحَ إِنْ صَدَقَ، أَوْ دَخَلَ الْجَنَّةَ إِنْ صَدَقَ.


-أخرجه البخاري في صحيحه، كتاب الصيام، باب وجوب صوم رمضان، وقوله تعالى: يا أيها الذين آمنوا كتب عليكم الصيام... ، حديث رقم 1891.



KEFARDUAN PUASA


Daripada Talhah bin Ubaidullah RA, bahawa seorang arab badwi menemui Rasulullah ﷺ dalam keadaan kepalanya penuh debu, lalu berkata: "Ya Rasulullah, beritahukanlah kepadaku solat apakah yang Allah wajibkan atasku?". Baginda ﷺ menjawab: "Solat lima waktu, kecuali jika engkau suka mengerjakan solat sunat." Si arab badwi tadi bertanya lagi: "Beritahukanlah kepadaku puasa apakah yang Allah wajibkan bagiku?" Baginda ﷺ menjawab: "Puasa bulan Ramadan, kecuali jika engkau suka mengerjakan puasa sunat." Si arab badwi tadi bertanya lagi: "Beritahukanlah kepadaku, zakat apakah yang Allah wajibkan atasku? ", maka Rasulullah ﷺ memberitahukan kepadanya tentang syariat-syariat Islam, lalu arab badwi tersebut mengatakan: "Demi Zat yang memuliakanmu, saya tidak suka melakukan yang sunat dan tidak akan mengurangi sedikitpun yang telah Allah fardhukan ke atas diriku." Maka Rasulullah ﷺ bersabda: "Dia seorang yang beruntung jika dia benar atau dia akan memasuki syurga jika dia benar."

(Riwayat al-Bukhari, Kitab *ash-Shiyam*, Bab *Wujubi Shaumi Ramadhan*, no.1891)



PENGAJARAN HADITH

1. Setiap muslim diwajibkan melaksanakan ibadah fardu seperti solat, puasa dan zakat bagi memenuhi tuntutan amalan yang telah difardukan.
2. Dijelaskan bahawa ibadah fardu sudah memadai jika dilaksanakan dengan sempurna. Namun, ibadah sunat menjadi pelengkap kepada mana-mana kekurangan dalam amalan fardu tersebut.
3. Pelaksanaan ibadah fardu dengan sempurna akan mendapat ganjaran syurga dan diikuti dengan amalan sunat akan meningkatkan lagi nilai sesuatu amalan.



RAMADAN BULAN KETAATAN

٣- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ - صَلَّى
اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - قَالَ: إِذَا كَانَتْ أَوَّلُ لَيْلَةٍ
مِنْ رَمَضَانَ، صُفِّدَتِ الشَّيَاطِينُ وَمَرَدَةُ الْجِنِّ،
وَعُلِّقَتِ أَبْوَابُ النَّارِ، فَلَمْ يُفْتَحْ مِنْهَا بَابٌ،
وَفُتِحَتْ أَبْوَابُ الْجَنَّةِ، فَلَمْ يُغْلَقْ مِنْهَا بَابٌ،
وَنَادَى مُنَادٍ: يَا بَاغِيَ الْخَيْرِ أَقْبِلْ، وَيَا بَاغِيَ
الشَّرِّ أَقْصِرْ، وَلِلَّهِ عِتْقَاءُ وَذَلِكَ فِي كُلِّ لَيْلَةٍ.


-أخرجه ابن ماجه، كتاب الصيام، باب ما جاء في فضل شهر
رمضان، حديث رقم 1642، وقال الأرنؤوط: حديث صحيح، وهذا
إسناد حسن.




RAMADAN BULAN KETAATAN

Daripada Abu Hurairah RA, beliau berkata, Rasulullah ﷺ bersabda: “Apabila tiba malam pertama bulan Ramadan, syaitan-syaitan dan jin-jin yang jahat dibelenggu, pintu-pintu neraka ditutup, tidak ada satupun pintunya yang terbuka. Pintu-pintu syurga dibuka, tidak ada satupun pintunya yang tertutup. Lalu seorang penyeru menyeru: “Wahai yang mengharapkan kebaikan, bersegeralah (kepada ketaatan). Wahai yang mengharapkan keburukan, berhentilah (daripada melakukan keburukan). Allah SWT akan membebaskan hamba-hamba-Nya daripada api neraka dan perkara tersebut berlaku pada setiap malam (di bulan Ramadan).”


(Riwayat Ibnu Majah, *Kitab ash-Shiyam, Bab Ma Jaá Fi Fadhli Syahru Ramadhana*, no. 1642, berkata al-Arnaút: Hadith sahih dan sanadnya hasan)





PENGAJARAN HADITH

1. Allah SWT telah menjanjikan pada bulan Ramadan ganjaran pahala yang berganda-ganda.
2. Ramadan adalah kesempatan bagi orang yang berpuasa dapat menjalani amal ibadah dengan bersungguh-sungguh tanpa gangguan dan godaan daripada syaitan. Ini kerana, syaitan dan iblis akan dirantai serta dibelenggu.
3. Pintu neraka akan ditutup serapat-rapatnya dan pintu syurga dibuka seluas-luasnya bagi menyambut orang yang berpuasa dengan bersungguh-sungguh dengan melakukan amal kebaikan di bulan Ramadan.



RAMADAN BULAN KEAMPUNAN


٤- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: مَنْ صَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ.

-أخرجه البخاري في صحيحه، كتاب الإيمان، باب صوم رمضان
إحتساباً من الإيمان، حديث رقم 38.

Maksudnya:

Daripada Abu Hurairah RA, daripada Nabi ﷺ bersabda: "Sesiapa yang berpuasa Ramadan dengan penuh keimanan dan *ih-tisab* (mengharapkan keredhaan Allah) akan diampunkan dosanya yang terdahulu."

(Riwayat al-Bukhari, *Kitab al-Iman, Bab Shawmu Ramadhan Ihtisaban Mina al-Iman*, no. 38)



PENGAJARAN HADITH


1. Ibadah puasa merupakan satu amalan yang dapat mendidik dan membentuk ketaqwaan seseorang hamba.
2. Disebalik kewajipan berpuasa itu, terdapat hakikat yang tersirat iaitu menanamkan kebiasaan mengadakan pengawasan terhadap diri sendiri dan menanam akhlak kesabaran di dalam jiwa setiap pelakunya.
3. Seorang hamba yang berpuasa terutamanya di bulan Ramadan, maka Allah SWT akan menghapuskan dosa-dosanya yang terdahulu dan apabila dosa seorang hamba diampunkan, maka hamba itu akan lebih dekat dengan ketaqwaan.



MENDAPAT SYAFAAT DARIPADA PUASA & AL-QURAN

٥- عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: الصِّيَامُ وَالْقُرْآنُ يَشْفَعَانِ لِلْعَبْدِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، يَقُولُ الصِّيَامُ: أَيُّ رَبِّ مَنَعْتُهُ الطَّعَامَ وَالشَّهَوَاتِ بِالنَّهَارِ فَشَفِّعْنِي فِيهِ، وَيَقُولُ الْقُرْآنُ: مَنَعْتُهُ النَّوْمَ بِاللَّيْلِ فَشَفِّعْنِي فِيهِ، قَالَ: فَيُشَفَّعَانِ.



-أخرجه أحمد في مسنده ، مسند المكثرين من الصحابة، مسند عبد الله بن عمرو بن العاص رضي الله تعالى عنهما، حديث رقم 6337، وقال أحمد شاكر: إسناده صحيح، ونقله ابن كثير في فضائل القرآن (ص 93) عن هذا الموضوع وهو في جمع الزوائد 3: 181، وقال: "رواه أحمد والطبراني في الكبير، ورجال الطبراني رجال الصحيح". ورواه الحاكم في المستدرک 1: 554، من طريق ابن وهب عن حيي بن عبد الله، بهذا الإسناد، وقال: "صحيح على شرط مسلم ولم يخرجاه"، ووافقه الذهبي.



MENDAPAT SYAFAAT DARIPADA PUASA & AL-QURAN


Daripada Abdullah bin Amru RA, bahawa Rasulullah ﷺ bersabda: “Puasa dan al-Quran akan memberikan syafaat kepada hamba (orang yang berpuasa dan yang sentiasa membaca al-Quran) di hari kiamat nanti. Puasa akan berkata: “Wahai Tuhan! Sesungguhnya aku telah menahan hamba-Mu ini daripada makan, minum dan perkara syahwat pada waktu siang, maka terimalah syafaatku kepadanya.” Manakala al-Quran pula akan berkata: “Wahai Tuhan! Sesungguhnya aku telah menahan hamba-Mu ini daripada tidur di malam hari, maka terimalah syafaatku kepadanya.” Baginda ﷺ bersabda: “Maka Allah pun menerima kedua-dua syafaat tersebut.”

(Riwayat Ahmad, *Musnad al-Mukaththirin Mina ash-Shohabah*, *Musnad ‘Abdullah bin ‘Amru bin al-‘Ash* RA, no. 6337, berkata Ahmad Syakir: Isnadnya Sahih, dinaqalkan Ibn Kathir dalam *Fadhail al-Quran* (m/s: 93) berkenaan status ini dalam Jam’u al-Zawa’id (3/181), no. 18543, dengan mengatakan: “Diriwayatkan Ahmad, at-Tabrani dalam al-Kabir, perawi at-Tabrani adalah sahih, diriwayatkan al-Hakim dalam al-Mustadrak (1/554), no. 2080, daripada jalan Ibn Wahab daripada Yahya bin ‘Abdullah dengan sanad ini, dengan katanya: Sahih mengikut syarat Muslim dan tidak dikeluarkan oleh as-Syaikhain dan dipersetujui oleh az-Zahabi)



PENGAJARAN HADITH

1. Pada hari kiamat nanti semua manusia akan membawa diri masing-masing kerana tiada siapa lagi dapat memberikan pertolongan pada hari tersebut. Namun selain daripada syafaat Nabi SAW ke atas umat Baginda, ibadah solat, puasa, membaca al-Quran dan amalan-amalan kebaikan lain akan menjadi syafaat yang diterima oleh Allah.
2. Alangkah indah dan beruntungnya kehidupan seorang muslim yang senantiasa berpuasa pada waktu siangnya dan membaca al-Quran pada waktu malamnya di samping melakukan amal ibadah yang lain untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT.
3. Sebaliknya, mereka yang mengabaikan perintah Allah akan berasa rugi dan kesal kerana melakukan amal ibadah tersebut secara sambil lewa. Bahkan amalan-amalan tersebut akan mengutuk dan mendoakan kecelakaan kepada mereka di hari kiamat nanti.



PUASA RAMADAN MENGHAPUSKAN DOSA

٦ - عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ؛ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَقُولُ: الصَّلَوَاتُ الْخَمْسُ وَالْجُمُعَةُ إِلَى الْجُمُعَةِ وَرَمَضَانُ إِلَى رَمَضَانَ مُكَفِّرَاتٌ مَا بَيْنَهُنَّ إِذَا اجْتَنَبَ الْكَبَائِرَ.

-أخرجه مسلم في صحيحه، كتاب الطهارة، باب الصلوات الخمس والجمعة إلى الجمعة ورمضان إلى رمضان مكفرات لما بينهن ما اجتنبت الكبائر، حديث رقم 233.

Maksudnya:


Daripada Abu Hurairah RA, bahawa Rasulullah ﷺ bersabda: "Solat lima waktu, hari Jumaat ke Jumaat (berikutnya) dan Ramadan ke Ramadan (berikutnya) akan menghapuskan (dosa-dosa) di antara tempoh tersebut sekiranya (seseorang itu) menjauhi dosa-dosa besar."

(Riwayat Muslim, *Kitab at-Toharah, Bab ash-Sholawat al-Khamsi wa al-Jum'ati Ila al-Juma'ati wa Ramadhana Ila Ramadhana Mukaffiratun Lima Bainahunna Ma Ijtinabati al-Kabair*, no. 233)



PENGAJARAN HADITH

1. Seseorang yang melakukan amalan wajib akan diganjar pahala dan keampunan oleh Allah SWT.
2. Setiap amalan yang dilaksanakan dengan penuh keikhlasan akan melahirkan kemanisan dan ketenangan dalam diri dalam beramal.
3. Keampunan yang dimaksudkan adalah untuk dosa-dosa kecil sahaja manakala dosa-dosa besar tidak akan terhapus melainkan dengan hanya bertaubat kepada Allah SWT (dengan sebenar-benar taubat).



GANJARAN ORANG YANG BERPUASA DARI ALLAH SWT

٧- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: قَالَ اللَّهُ: كُلُّ عَمَلٍ ابْنِ آدَمَ لَهُ إِلَّا الصِّيَامَ فَإِنَّهُ لِي وَأَنَا أَجْزِي بِهِ. متفق عليه.

-أخرجه البخاري في صحيحه، كتاب الصوم، باب هل يقول إني صائم إذا ستم، حديث رقم 1094، ومسلم في صحيحه، كتاب الصِّيَامُ، باب فَضْلُ الصِّيَامِ، حديث رقم 1511.


Maksudnya:

Daripada Abu Hurairah RA, beliau berkata, Rasulullah ﷺ bersabda: "Allah SWT berfirman (hadith qudsi): Setiap amalan anak Adam adalah untuk dirinya melainkan puasa. Sesungguhnya puasa itu milik-Ku (Allah) dan Akulah yang akan membalasnya."

(Mutafaqun 'Alayhi, riwayat al-Bukhari, *Kitab ash-Shaum, Bab Hal Yaqulu Inni Shaimun Iza Sutima*, no. 1904, Muslim, *Kitab ash-Shiyam, Bab Fadhlu ash-Shiyam*, no. 1151)

PENGAJARAN HADITH

1. Makna “Sesungguhnya puasa itu milik-Ku (Allah) dan Akulah yang akan membalasnya” adalah puasa merupakan amalan batin yang hakikatnya tidak diketahui melainkan Allah SWT yang Maha Mengetahui dan orang yang melakukannya sahaja.
2. Di hari kiamat, Allah ‘Azza Wajalla akan menghisab setiap amalan hamba-Nya. Setiap kezaliman akan disempurnakan pembalasannya dengan semua amalan pelaku kezaliman itu akan dijadikan kafarah kepada dosa kezalimannya sehinggalah tidak tinggal sedikit pun daripada amalannya kecuali puasa. Lalu Allah SWT menghapuskan dosa yang berbaki daripada kezaliman tersebut dan dimasukkan ke dalam syurga dengan sebab amalan puasa yang telah dilakukan.
3. Sesungguhnya puasa adalah milik Allah ‘Azza Wajalla. Tidak ada jalan bagi seseorangpun untuk merampas pahala puasa, bahkan ia akan kekal bersama pemiliknya.



DUA KEGEMBIRAAN BAGI YANG BERPUASA

٨- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لِلصَّائِمِ فَرَحَتَانِ يَفْرَحُهُمَا إِذَا أَفْطَرَ فَرِحَ وَإِذَا لَقِيَ رَبَّهُ فَرِحَ بِصَوْمِهِ. متفق عليه.

—أخرجه البخاري في صحيحه، كتاب الصوم، باب هل يقول إني صائم إذا ستم، حديث رقم 1094، ومسلم في صحيحه، كتاب الصيام، باب فضل الصيام، حديث رقم 1511.


Maksudnya:

Daripada Abu Hurairah RA, beliau berkata, Rasulullah ﷺ bersabda: "Bagi orang yang berpuasa akan mendapat dua kegembiraan yang dia akan bergembira dengan keduanya; (pertama) apabila berbuka dia bergembira dan (kedua) apabila berjumpa dengan Tuhannya, dia bergembira disebabkan (ganjaran) ibadah puasanya itu."

(Muttafaqun 'Alayhi, riwayat al-Bukhari, *Kitab ash-Shaum, Bab Hal Yaquulu Inni Shaimun Iza Sutima*, no. 1904, Muslim, *Kitab ash-Shiyam, Bab Fadhlu ash-Shiyam*, no. 1151)

PENGAJARAN HADITH

1. Semua manusia menginginkan kegembiraan, namun hanya sedikit sahaja yang mendapat kegembiraan sejati.
2. Kebanyakan manusia terjerumus dalam kegembiraan palsu yang penghujungnya adalah kesengsaraan kerana kegembiraan hakiki itu hanyalah daripada Allah SWT.
3. Justeru, Allah SWT menjanjikan melalui lidah Rasul-Nya akan mengurniakan dua kegembiraan kepada orang yang berpuasa dengan mematuhi adab-adabnya dengan sempurna.



DOA MAKBUL DENGAN BERPUASA


٩- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: ثَلَاثَةٌ لَا تُرَدُّ دَعْوَتُهُمْ، الصَّائِمُ حَتَّى يُفْطِرَ، وَالْإِمَامُ الْعَادِلُ، وَدَعْوَةُ الْمَظْلُومِ، يَرْفَعُهَا اللَّهُ فَوْقَ الْغَمَامِ، وَتُفْتَحُ لَهَا أَبْوَابَ السَّمَاءِ وَيَقُولُ الرَّبُّ: وَعِزَّتِي وَجَلَالِي لَأَنْصُرَنَّكَ وَلَوْ بَعْدَ حِينٍ.

-أخرجه الترمذي في سننه، كتاب الدعوات، باب في العفو والعافية، حديث رقم 3598، وقال أبو عيسى هذا حديث حسن.

Maksudnya:


Daripada Abu Hurairah RA, beliau berkata, Rasulullah ﷺ bersabda: "Tiga orang yang tidak akan ditolak doa-doa mereka. (Pertama) Seorang yang berpuasa sehingga dia berbuka, (kedua) seorang imam (pemerintah) yang adil dan (ketiga) doa seorang yang dizalimi. Allah SWT akan mengangkat doanya ke atas awan dan dibukakan untuknya pintu-pintu langit dan Allah SWT akan berfirman: "Demi kemuliaan dan keagungan-Ku, pasti Aku (Allah) akan menolong kamu walaupun selepas beberapa ketika."

(Riwayat At-Tirmidzi, *Kitab ad-Da'awat, Bab Fi al-'Afwi wa al-'Afiyah*, no. 3598, dengan katanya: Hadith ini hasan)



PENGAJARAN HADITH


1. Allah SWT Maha Mendengar akan setiap permohonan hamba-hambanya. Banyak hadith lain yang menjelaskan bahawa doa-doa dalam bulan Ramadan akan diterima secara khusus. Tiada keraguan lagi dalam penyempurnaan perkara ini kerana Allah SWT telah berjanji dan janji itu disampaikan pula oleh seorang Rasul yang benar.
2. Jika perkara yang diminta itu ada kebaikan untuknya maka akan diperkenankan. Jika sebaliknya, maka tidak akan diperkenankan dan diganti dengan yang lebih perlu atau akan disempurnakan di akhirat nanti, sebagai satu ehsan daripada Allah SWT kepada hamba-Nya.
3. Justeru, seseorang itu tidak seharusnya berputus asa apabila doanya tidak diperkenankan, sebaliknya hendaklah berusaha menyempurnakan perintah Allah agar doa yang dipohon akan diperkenankan.



AR-RAYYAN UNTUK YANG BERPUASA

١٠ - عَنْ سَهْلِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: إِنَّ فِي الْجَنَّةِ بَابًا، يُقَالُ لَهُ الرَّيَّانُ، يَدْخُلُ مِنْهُ الصَّائِمُونَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ لَا يَدْخُلُ مِنْهُ أَحَدٌ غَيْرُهُمْ، يُقَالُ: أَيْنَ الصَّائِمُونَ؟ فَيَقُومُونَ، لَا يَدْخُلُ مِنْهُ أَحَدٌ غَيْرُهُمْ فَإِذَا دَخَلُوا أُغْلِقَ فَلَمْ يَدْخُلْ مِنْهُ أَحَدٌ. متفقٌ عليه.


-أخرجه البخاري في صحيحه ، كتاب الصوم، باب الريان للصائمين، حديث رقم 1896 ومسلم في صحيحه، كتاب الصيام، باب فضل الصيام، حديث رقم 1512.



AR-RAYYAN UNTUK YANG BERPUASA


Daripada Sahl RA, beliau berkata, daripada Nabi ﷺ bersabda: “Sesungguhnya dalam syurga terdapat satu pintu yang dinamakan ar-Rayyan. Orang yang akan memasukinya pada hari kiamat nanti hanyalah mereka yang berpuasa, tiada sesiapaupun yang layak memasukinya selain daripada mereka. Lantas akan diseru (oleh penjaganya): “Di manakah orang yang berpuasa?” Maka mereka yang berpuasa pun bangun memasukinya; tiada sesiapaupun yang layak memasukinya selain daripada mereka. Apabila mereka sudah memasukinya, pintu itu akan ditutup, dan tiada sesiapaupun lagi yang akan dapat memasukinya.”

(Muttafaqun ‘Alayhi, riwayat al-Bukhari, Kitab al-Shaum, Bab al-Rayyan Li al-Shaaimina, no. 1896, Muslim, *Kitab ash-Shiyam, Bab Fadhl ash-Shiyam*, no. 1152)



PENGAJARAN HADITH

1. Sesungguhnya cabaran berpuasa itu amat besar namun ganjarannya sangat bernilai di sisi Allah SWT.
2. Allah SWT menyediakan pintu khas untuk memasuki syurga yang dinamakan ar-Rayyan hanya untuk mereka yang berpuasa. Malaikat yang menjaga pintu tersebut akan menyeru dan memanggil orang yang berpuasa untuk memasuki syurga melaluinya.
3. Perkataan “ar-Rayyan” berasal dari kalimah “Array” dari segi bahasa membawa maksud titisan air hujan yang pertama. Ini adalah kiasan kepada orang yang berpuasa apabila memasukinya akan hilanglah segala kehausan selamanya.



PINTU-PINTU SYURGA UNTUK AHLINYA

١١ - عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: مَنْ أَنْفَقَ زَوْجَيْنِ فِي سَبِيلِ اللَّهِ نُودِيَ مِنْ أَبْوَابِ الْجَنَّةِ، يَا عَبْدَ اللَّهِ، هَذَا خَيْرٌ. فَمَنْ كَانَ مِنْ أَهْلِ الصَّلَاةِ دُعِيَ مِنْ بَابِ الصَّلَاةِ. وَمَنْ كَانَ مِنْ أَهْلِ الْجِهَادِ دُعِيَ مِنْ بَابِ الْجِهَادِ. وَمَنْ كَانَ مِنْ أَهْلِ الصِّيَامِ دُعِيَ مِنْ بَابِ الرِّيَّانِ. وَمَنْ كَانَ مِنْ أَهْلِ الصَّدَقَةِ دُعِيَ مِنْ بَابِ الصَّدَقَةِ. فَقَالَ أَبُو بَكْرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ: يَا أَبِي أَنْتَ وَأُمِّي يَا رَسُولَ اللَّهِ، مَا عَلَى مَنْ دُعِيَ مِنْ تِلْكَ الْأَبْوَابِ مِنْ ضَرُورَةٍ فَهَلْ يُدْعَى أَحَدٌ مِنْ تِلْكَ الْأَبْوَابِ كُلِّهَا، قَالَ: نَعَمْ وَأَرْجُو أَنْ تَكُونَ مِنْهُمْ. متفق عليه.

- أخرجه البخاري في صحيحه، كِتَابُ الصَّوْمِ، بَابُ الرِّيَّانِ لِلصَّائِمِينَ،
حديث رقم 1897، ومسلم في صحيحه، كِتَابُ الزَّكَاةِ، بَابُ مَنْ جَمَعَ
الصَّدَقَةَ، وَأَعْمَالَ الْبِرِّ، حديث رقم 1027.



PINTU-PINTU SYURGA UNTUK AHLINYA

Daripada Abu Hurairah RA, bahawa Rasulullah ﷺ bersabda: “Sesiapa yang membelanjakan dua dari sesuatu hartanya pada jalan Allah, akan diseru daripada pintu-pintu syurga: Wahai hamba Allah, ini adalah satu kebaikan, maka sesiapa yang terdiri daripada kalangan ahli solat, akan diseru daripada pintu solat. Sesiapa yang terdiri daripada kalangan ahli jihad, akan diseru dari pintu jihad. Sesiapa yang terdiri daripada kalangan ahli puasa, akan diseru daripada pintu al-Rayyan. Sesiapa yang terdiri daripada kalangan ahli sedekah, akan diseru daripada pintu sedekah. Maka Abu Bakar RA berkata: “Demi bapa dan ibuku, engkau wahai Rasulullah ﷺ! Sekali-kali tidak akan rugi bagi sesiapa yang telah diseru dari pintu-pintu itu, tetapi adakah terdapat orang yang akan diseru daripada semua pintu itu? Baginda ﷺ menjawab: “Ya, aku berharap agar engkau termasuk dalam kalangan mereka.”

(Muttafaqun 'Alayhi, riwayat al-Bukhari, *Kitab ash-Shaum, Bab ar-Rayyan Li ash-Shoimin*, no. 1897, Muslim, *Kitab az-Zakah, Bab Man Jama'a as-Sodaqah wa A'mali al-Birri*, no. 1027)



PENGAJARAN HADITH

1. Orang yang membelanjakan harta kekayaan pada jalan yang diredai oleh Allah SWT akan mendapat rahmat dan nikmat yang melimpah-ruah pada hari kiamat.
2. Saidina Abu Bakar al-Siddiq RA memiliki sifat-sifat yang terpuji dan sentiasa melakukan kebaikan semasa hidupnya. Oleh itu, beliau adalah seorang yang telah dijamin oleh Rasulullah SAW untuk masuk syurga melalui mana-mana pintu yang dikehendakinya.
3. Sesungguhnya pintu-pintu kebaikan itu banyak dan beruntunlah sesiapa yang dapat memasukinya.




RAMADAN BULAN PEMURAH

١٢ - عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا
قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ، أَجْوَدَ النَّاسِ وَكَانَ أَجْوَدُ مَا يَكُونُ
فِي رَمَضَانَ حِينَ يَلْقَاهُ جِبْرِيلُ، وَكَانَ
جِبْرِيلُ يَلْقَاهُ فِي كُلِّ لَيْلَةٍ مِنْ رَمَضَانَ،
فَيُدَارِسُهُ الْقُرْآنَ فَلَرَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ
عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حِينَ يَلْقَاهُ جِبْرِيلُ أَجْوَدُ
بِالْخَيْرِ مِنَ الرِّيحِ الْمُرْسَلَةِ.

-أخرجه البخارى في صحيحه، كتابُ بدءِ الوحي، بابُ كيفَ
كانَ بدءُ الوحيِ إلى رسولِ الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ؟، حديث
رقم 6.






RAMADAN BULAN PEMURAH

Daripada Ibn Abbas RA, beliau berkata: “Rasulullah ﷺ merupakan seorang yang sangat pemurah. Baginda ﷺ sangat pemurah khususnya dalam bulan Ramadan terutama ketika Malaikat Jibril AS datang menemui Baginda ﷺ. Malaikat Jibril AS akan menemui Baginda ﷺ pada setiap malam dalam bulan Ramadan, kemudian beliau bertadarus al-Quran dengan Baginda ﷺ. Sesungguhnya Baginda ﷺ bersifat sangat pemurah pada ketika itu umpama angin yang bertiup kencang.”

(Riwayat al-Bukhari, *Kitab Bad'i al-Wahyu, Bab Kaifa Bad'u al-Wahyu Ila Rasulillah SAW?*, no. 6)





PENGAJARAN HADITH

1. Ramadan adalah kesempatan untuk meningkatkan amalan kebaikan kerana ganjaran pahalanya akan digandakan.
2. Antara amalan kebaikan yang selalu dilakukan oleh Nabi ﷺ pada bulan Ramadan adalah bertadarus (belajar dan mengajar) al-Qur'an dan bersedekah. Bahkan sedekah yang afdal adalah di bulan Ramadan sama ada berupa makanan, wang ringgit dan lain-lain.
3. Ingatlah, setiap amalan yang dilaksanakan pada bulan Ramadan bukan berakhir apabila habisnya Ramadan tetapi hendaklah diteruskan ke bulan-bulan seterusnya.



ANCAMAN KEPADA YANG MENSIA-SIAKAN RAMADAN

١٣ - عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَقَى الْمِنْبَرَ، فَلَمَّا رَقَى الدَّرَجَةَ الْأُولَى، قَالَ: آمِينَ، ثُمَّ رَقَى الثَّانِيَةَ، فَقَالَ: آمِينَ، ثُمَّ رَقَى الثَّلَاثَةَ، فَقَالَ: آمِينَ، فَقَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ، سَمِعْنَاكَ تَقُولُ: آمِينَ ثَلَاثَ مَرَّاتٍ؟ قَالَ: لَمَّا رَقَيْتُ الدَّرَجَةَ الْأُولَى جَاءَنِي جِبْرِيلُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ: شَقِيَّ عَبْدٌ أَدْرَكَ رَمَضَانَ، فَاَنْسَلَخَ مِنْهُ وَلَمْ يُغْفَرْ لَهُ، فَقُلْتُ: آمِينَ، ثُمَّ قَالَ: شَقِيَّ عَبْدٌ أَدْرَكَ وَالِدَيْهِ أَوْ أَحَدَهُمَا فَلَمْ يُدْخِلْهُ الْجَنَّةَ، فَقُلْتُ: آمِينَ، ثُمَّ قَالَ: شَقِيَّ عَبْدٌ ذُكِرَتْ عِنْدَهُ وَلَمْ يُصَلِّ عَلَيْكَ، فَقُلْتُ: آمِينَ.


-أخرجه البخاري في الأدب المفرد , باب من ذكر عنده النبي (ص) فلم يصل عليه, رقم حديث 644, وقال السخاوي في القول البديع (209): هو حديث حسن, وقال محمد فؤاد عبد الباقي: ليس في شيء من الكتب الستة.



ANCAMAN KEPADA YANG MENSIA-SIAKAN RAMADAN

Daripada Jabir bin 'Abdullah RA, bahawa Nabi ﷺ menaiki mimbar, ketika Baginda melangkah anak tangga yang pertama, Baginda menyebut: "Amin", kemudian apabila melangkah anak tangga yang kedua, Baginda menyebut: "Amin", kemudian apabila melangkah anak tangga ketiga, Baginda menyebut: "Amin". Para sahabat bertanya: "Ya Rasullullah, kami mendengar engkau menyebut Amin sebanyak tiga kali". Baginda menjawab: "Ketika aku melangkah anak tangga yang pertama, Jibril datang kepadaku dan berkata: "Celakalah seseorang hamba yang bertemu dengan Ramadan, tetapi keluar daripadanya tanpa diampuni dosanya. Lalu aku pun menyebut: "Amin." Kemudian Jibril berkata: "Celakalah seseorang hamba yang ibu bapanya masih hidup atau salah seorang daripada mereka masih hidup, tetapi hal itu tidak memasukkannya ke dalam syurga (kerana tidak berbakti kepada ibu bapanya). Aku pun menyebut: "Amin." Kemudian Jibril berkata: "Celakalah seseorang hamba yang nama engkau (iaitu nama Rasullullah ﷺ) disebut di sisinya, tetapi dia tidak berselawat ke atas engkau. Aku pun menyebut: "Amin."

(Riwayat al-Bukhari dalam *Al-Adab Al-Mufrad, Bab Man Zukira 'Indahu an-Nabiyyu SAW Falam Yusolli 'Alayhi*, no. 644, berkata al-Shakhawi dalam *al-Qawlu al-Badi'*: Hadith hasan dan berkata Muhammad Fuád Ábdul Baqi: Tidak terdapat dalam Kutub Sittah)



TIGA GOLONGAN YANG DICELA


١٤ - عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: رَغِمَ أَنْفُ رَجُلٍ ذُكِرْتُ عِنْدَهُ فَلَمْ يُصَلِّ عَلَيَّ وَرَغِمَ أَنْفُ رَجُلٍ دَخَلَ عَلَيْهِ رَمَضَانُ ثُمَّ انْسَلَخَ قَبْلَ أَنْ يُغْفَرَ لَهُ وَرَغِمَ أَنْفُ رَجُلٍ أَدْرَكَ عِنْدَهُ أَبَوَاهُ الْكَبِيرَ فَلَمْ يُدْخِلْهُ الْجَنَّةَ.

-أخرجه الترمذي في سننه، كتاب الدعوات، باب قول رسول الله (ص) رغم أنف رجل...، رقم حديث 3545، وقال أبو عيسى: هذا حديث حسن غريب

Maksudnya:


Daripada Abu Hurairah RA, beliau berkata, Rasulullah ﷺ bersabda: "Celakalah seseorang apabila namaku disebut-sebut di hadapannya dan dia tidak mengucapkan selawat kepadaku. Celakalah seseorang, apabila bulan Ramadan menemuinya kemudian berlalu pergi sebelum dia mendapatkan keampunan dan celakalah seseorang yang kedua orang tuanya berusia lanjut namun kedua orang tuanya tidak menjadi sebab yang memasukkannya ke dalam Syurga (kerana tidak berbakti kepada ibu bapanya)."

(Riwayat al-Tirmizi, Kitab *ad-Da'awat*, Bab *Qawlu Rasulullah SAW Ghurima Anfun Rajulun*, no. 3545, dengan katanya hadith ini hasan gharib)



PENGAJARAN HADITH

1. Tiga golongan yang telah didoakan kecelakaan oleh malaikat Jibril AS dan telah diamankan oleh Rasulullah ﷺ iaitu:
 - i. Seseorang yang menjalani bulan Ramadan tanpa melakukan amalan kebaikan dan akhirnya tidak mendapat keampunan daripada Allah SWT.
 - ii. Seseorang yang mengabaikan dan tidak berbakti kepada ibu atau bapanya yang masih hidup kerana berbuat baik kepada ibu bapa adalah antara penyebab seseorang itu dimasukkan ke dalam syurga.
 - iii. Seseorang yang tidak berselawat apabila nama Baginda ﷺ disebutkan.
2. Dalam menjalani Ramadan, marilah bermusahabah dan menilai kembali ibadah-ibadah yang telah dilakukan adakah memenuhi piawaian yang dikehendaki Allah SWT dan Rasul-Nya ﷺ.



PEMBEBASAN PADA SETIAP MALAM RAMADAN

١٥ - عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى
اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: إِذَا كَانَتْ أَوَّلُ لَيْلَةٍ
مِنْ رَمَضَانَ، صُفِّدَتِ الشَّيَاطِينُ وَمَرَدَةُ
الْجِنِّ، وَغُلِّقَتِ أَبْوَابُ النَّارِ، فَلَمْ يُفْتَحْ مِنْهَا
بَابٌ، وَفُتِحَتْ أَبْوَابُ الْجَنَّةِ، فَلَمْ يُغْلَقْ
مِنْهَا بَابٌ، وَنَادَى مُنَادٍ: يَا بَاغِيَ الْخَيْرِ
أَقْبِلْ، وَيَا بَاغِيَ الشَّرِّ أَقْصِرْ، وَلِلَّهِ عُتَقَاءُ
وَذَلِكَ فِي كُلِّ لَيْلَةٍ.


-أخرجه ابن ماجه في سننه، كتاب الصيام، باب ما جاء في فضل
شهر رمضان، حديث رقم 1642، عن أبي هريرة رضي الله عنه،
وقال البوصيري: رجال إسناده ثقات. وقال الأرنؤوط: حديث
صحيح، وهذا إسناده حسن.



PEMBEBASAN PADA SETIAP MALAM RAMADAN

Daripada Abu Hurairah RA, beliau berkata; Rasulullah ﷺ bersabda: "Apabila tiba malam pertama bulan Ramadan, syaitan-syaitan dan jin-jin yang jahat dibelenggu, pintu-pintu neraka ditutup, tidak ada satupun pintunya yang terbuka dan pintu-pintu syurga dibuka, tidak ada satupun pintunya yang tertutup. Lalu seorang penyeru menyeru: "Wahai yang mengharapkan kebaikan bersegeralah (kepada ketaatan). Wahai yang mengharapkan keburukan, berhentilah (daripada melakukan keburukan). Allah SWT akan membebaskan hamba-hamba-Nya daripada api neraka dan perkara tersebut berlaku pada setiap malam (di bulan Ramadan)."

(Riwayat Ibn Majah, *Kitab ash-Shiyam, Bab Ma Jaá Fi Fadhli Syahri Ramadan*, no. 1642, berkata al-Bushiri: Perawi sanad hadith ini thiqah, al-Arna'ut pula mengatakan: Hadith sahih tetapi sanadnya hasan)



PEMBEBASAN PADA SETIAP WAKTU BERBUKA


١٦ - عَنْ جَابِرٍ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنَّ لِلَّهِ عَزَّ وَجَلَّ عِنْدَ كُلِّ فِطْرِ عُتْقَاءَ، وَذَلِكَ فِي كُلِّ لَيْلَةٍ.

-أخرجه ابن ماجه في صحيحه، كتاب الصيام، باب ما جاء في فضل شهر رمضان، حديث رقم 1643، وقال الأرنؤوط: حديث صحيح، وهذا إسناد حسن.

Maksudnya:

Daripada Jabir RA, beliau berkata, Rasulullah ﷺ bersabda: "Sesungguhnya Allah SWT membebaskan hamba-hamba-Nya daripada api neraka pada setiap waktu berbuka puasa dan ia berlaku pada setiap malam (Ramadan)."

(Riwayat Ibn Majah, *Kitab ash-Shiyam, Bab Ma Ja'a Fi Fadhli Syahri Ramadan*, no. 1643, berkata al-Arna'ut: Hadith sahih dan sanad ini hasan)



PEMBEBASAN PADA SETIAP HARI DAN MALAM RAMADAN

١٧- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، أَوْ عَنْ أَبِي سَعِيدٍ -
هُوَ شَكٌّ، يَعْنِي الْأَعْمَشَ -، قَالَ: قَالَ
رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنَّ لِلَّهِ عِتْقَاءَ
فِي كُلِّ يَوْمٍ وَلَيْلَةٍ، لِكُلِّ عَبْدٍ مِنْهُمْ دَعْوَةٌ
مُسْتَجَابَةٌ.

-أخرجه أحمد في مسنده، مُسْنَدُ الْمُكْثَرِينَ مِنَ الصَّحَابَةِ، مُسْنَدُ أَبِي
هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، حديث رقم 7450، وقال الأرنؤوط: إسناده
صحيح على شرط الشيخين. والشك في صحابي الحديث لا يضر.

Maksudnya:


Daripada Abu Hurairah RA atau Abu Sa'id RA -al-A'masy merasa syak (siapakah perawinya) - beliau berkata, Rasulullah ﷺ bersabda: "Sesungguhnya Allah SWT memiliki hamba-hamba yang dibebaskan dari neraka pada setiap siang dan malam (Ramadan), setiap daripada mereka (yang berpuasa) memiliki doa yang mustajab."

(Riwayat Ahmad, *Kitab Musnad al-Mukthirina Min As-Sohabah*, Bab Musnad Abu Hurairah RA, no. 7450, berkata al-Arna'ut: Isnadnya Sahih mengikut syarat As-Shaykhain dan syak pada perawi sahabat tidak mencatitkan hadith)



PENGAJARAN HADITH

1. Allah SWT akan memberikan pembebasan ini kepada semua hamba-hamba-Nya yang ikhlas dalam melakukan ibadah puasa, melakukan amal kebaikan dan menghindari keburukan pada bulan Ramadan.
2. Pembebasan daripada api neraka ini menunjukkan kepada tiga perkara:
 - i. Pengampunan dosa;
 - ii. Penerimaan amal ibadah;
 - iii. Pemeliharaan daripada melakukan maksiat;
3. Justeru, doa bagi orang yang berpuasa ketika berbuka adalah mustajab dan ini menunjukkan betapa pemurahnya Allah SWT kepada hamba-hamba-Nya dengan keampunan dan ganjaran pahala yang berganda.



PAHALA BERGANDA BAGI ORANG YANG BERPUASA

١٨ - عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ:
قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: كُلُّ
عَمَلٍ ابْنِ آدَمَ يُضَاعَفُ الْحَسَنَةُ عَشْرُ
أَمْثَلِهَا إِلَى سَبْعِمِائَةٍ ضِعْفٍ، قَالَ اللَّهُ عَزَّ
وَجَلَّ: إِلَّا الصَّوْمَ فَإِنَّهُ لِي وَأَنَا أَجْزِي بِهِ
يَدْعُ شَهْوَتَهُ وَطَعَامَهُ مِنْ أَجْلِي.

-أخرجه مسلم في صحيحه، كتاب الصِّيَام، باب فضل الصِّيَام،
حديث رقم 1511.


Maksudnya:

Daripada Abu Hurairah RA, beliau berkata, Rasulullah ﷺ bersabda: "Setiap amalan anak Adam digandakan pahalanya daripada 10 kali ganda sehingga 700 kali ganda. Allah 'Azza wa Jalla berfirman: "Melainkan puasa, sesungguhnya ia milik-Ku (Allah) dan Aku-lah yang akan membalasnya. Dia (orang yang berpuasa) meninggalkan syahwatnya dan makanannya kerana-Ku."

(Riwayat Muslim, *Kitab ash-Shiyam, Bab Fadhu ash-Shiyam*, no. 1151)

PENGAJARAN HADITH

1. Setiap amal kebaikan akan digandakan pahalanya. Akan tetapi, pahala amalan puasa lebih istimewa kerana Allah SWT sendiri akan memberi ganjaran mengikut kehendak-Nya tanpa had yang tertentu.
2. Hal ini kerana, orang yang berpuasa sanggup meninggalkan perkara-perkara yang telah dihalalkan di siang hari iaitu makan, minum dan menahan hawa nafsu semata-mata kerana Allah SWT tanpa diketahui oleh orang lain demi melaksanakan kewajipan berpuasa.
3. Justeru, ganjaran khusus bagi amalan puasa ini menunjukkan betapa besar dan banyaknya pahala yang akan diberikan oleh Allah SWT serta kemuliaan pada amalan puasa tersebut.



FADILAT PUASA DI JALAN ALLAH

١٩ - عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ
عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ يَقُولُ: مَنْ صَامَ يَوْمًا فِي سَبِيلِ اللَّهِ
بَعَدَ اللَّهُ وَجْهَهُ عَنِ النَّارِ سَبْعِينَ
خَرِيفًا. متفق عليه.

-أخرجه البخاري في صحيحه ، كتاب الجهاد والسير، باب فضل
الصوم في سبيل الله، حديث رقم 2840، ومسلم، كتاب
الصيام، باب فضل الصيام في سبيل الله لمن يطيقه، حديث رقم
1153.

Maksudnya:

Daripada Abu Sa'id al-Khudri RA, beliau berkata, aku mendengar Nabi ﷺ bersabda: "Sesiapa yang berpuasa sehari di jalan Allah SWT, maka Allah SWT akan menjauhkannya dari api neraka sejauh tujuh puluh tahun jarak perjalanan."

(Muttafaqun 'Alayhi, riwayat al-Bukhari, *Kitab, al-Jihad wa as-Siyari, Bab Fadhli ash-Shaumi Fi Sabilillahi*, no. 2840, Muslim, *Kitab ash-Shiyam, Bab Fadhli ash-Shaumi Fi Sabilillahi Li Man Yutiquhu*, no. 1153)



PENGAJARAN HADITH

1. Antara kelebihan berpuasa yang dilakukan dengan ikhlas adalah dijauhkan daripada api neraka sejauh tujuh puluh tahun jarak perjalanan.
2. Pengertian “pada jalan Allah” dalam hadith ini boleh membawa maksud; seseorang berpuasa semata-mata mengharapkan keredaan Allah atau seseorang yang sanggup berpuasa ketika menyertai peperangan menegakkan kalimah Allah SWT.
3. Justeru, apabila seseorang hamba yang berpuasa sunat sehari pun dijauhkan dari api neraka daripada jarak yang jauh, bayangkanlah pula jarak yang lebih jauh bagi yang berpuasa penuh di bulan Ramadan.



PUASA ADALAH PERISAI

٢٠- عَنْ عِيَّاضِ بْنِ غُطَيْفٍ قَالَ دَخَلْنَا عَلَى أَبِي عُبَيْدَةَ نَعُودُهُ قَالَ إِنِّي سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: مَنْ أَنْفَقَ نَفَقَةً فَاضِلَةً فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَبِسَبْعِ مِائَةٍ وَمَنْ أَنْفَقَ عَلَى نَفْسِهِ أَوْ عَلَى أَهْلِهِ أَوْ عَادَ مَرِيضًا أَوْ مَازَ أَدَى عَنْ طَرِيقٍ فَهِيَ حَسَنَةٌ بَعَشْرٍ أَمْثَالِهَا. وَالصَّوْمُ جُنَّةٌ مَا لَمْ يَخْرِقْهَا وَمَنْ ابْتَلَاهُ اللَّهُ بَلَاءً فِي جَسَدِهِ فَهُوَ لَهُ حِطَّةٌ.


-أخرجه أحمد في مسنده، مسند باقي العشرة المبشرين بالجنة، حديث أبي عبيدة بن الجراح واسمه عامر بن عبد الله رضي الله عنه، حديث رقم 1690، وقال الأرناؤوط: إسناده حسن.



PUASA ADALAH PERISAI

Daripada 'Iyadh bin Ghutaif RA, beliau berkata, aku telah datang menemui Abu 'Ubaidah RA untuk melawatnya. Kemudian beliau berkata, saya mendengar Rasulullah ﷺ bersabda: "Sesiapa yang menginfakkan harta kesayangannya pada jalan Allah, maka dia akan mendapat (ganjaran) tujuh ratus kali ganda. Sesiapa yang berinfaq untuk dirinya atau untuk keluarganya, atau menjenguk orang sakit, atau menyingkirkan duri di jalanan, maka setiap kebaikan itu akan dibalas dengan (ganjaran) sepuluh kali ganda. Puasa adalah perisai selagi dia tidak memusnahkannya. Sesiapa yang diuji oleh Allah dengan suatu ujian pada tubuhnya maka itu menjadi penghapus (dosa) baginya."

(Riwayat Ahmad, *Musnad Baqi al-Asyrati al-Mubassyirina bi al-Jannati, hadith Abi 'Ubaidata Ibni al-Jarrah wa Ismuhu 'Amir Ibn 'Abdillah RA*, no. 1690, berkata al-Arna'ut: Sanadnya hasan)



PUASA ADALAH TAMING

٢١- عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لِكَعْبِ بْنِ عُجْرَةَ: يَا كَعْبُ بْنُ عُجْرَةَ، الصَّوْمُ جُنَّةٌ، وَالصَّدَقَةُ تُطْفِئُ الْخَطِيئَةَ، وَالصَّلَاةُ قُرْبَانٌ - أَوْ قَالَ: بُرْهَانٌ - يَا كَعْبُ بْنُ عُجْرَةَ، إِنَّهُ لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ لَحْمٌ نَبَتَ مِنْ سُحْتِ النَّارِ، أَوْلَى بِهِ. يَا كَعْبُ بْنُ عُجْرَةَ، النَّاسُ غَادِيَانِ: فَمُبْتَاعٌ نَفْسَهُ فَمُعْتَقُهَا، وَبَائِعٌ نَفْسَهُ فَمُوبِقُهَا.

-أخرجه أحمد في مسنده، مُسْنَدُ الْمُكْثَرِينَ مِنَ الصَّحَابَةِ، مُسْنَدُ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، حديث رقم 14441، وقال الأرنؤوط: إسناده قوي على شرط مسلم، رجاله ثقات غير ابن خثيم- وهو عبد الله بن عثمان- فصدوق لا بأس به، وصححه الحاكم في "المستدرک" 8302 ووافقه الذهبي.

PUASA ADALAH TAMING


Daripada Jabir bin 'Abdullah RA, bahawa Nabi ﷺ bersabda kepada Ka'b bin' Ujroh: "Wahai Ka'b bin 'Ujroh, puasa adalah perisai, sedekah akan memadamkan api neraka dan solat adalah sesuatu yang dipersembahkan atau Baginda ﷺ bersabda: Menjadi penerang. Wahai Ka'b bin Ujroh, sesungguhnya tidak akan masuk syurga daging yang tumbuh dari sumber yang di murkai Allah (haram) dan neraka adalah paling layak untuknya. Wahai Ka'b bin 'Ujroh, manusia berpagi dengan dua keadaan; iaitu dia terjual dirinya kemudian dia membebaskannya atau dia menjual dirinya kemudian dia menghancurkan dirinya."

(Riwayat Ahmad, *Musnad al-Mukaththirina Mina as-Sohabah*, Musnad Jabir Ibn 'Abdillah RA, no. 14441, berkata al-Arna'ut: Sanadnya *qawiy* (kuat) mengikut syarat Muslim, perawinya *thiqah* melainkan Ibn Khuthaimin-iaitu 'Abdullah Ibn 'Uthman, maka dia *soduq, la ba'sa bihi*, disahihkan oleh al-Hakim dalam al-Mustadrak (8302) dan disepakati az-Zahabi)



PENGAJARAN HADITH


1. Perisai yang dimaksudkan adalah penghalang dan penghindar daripada melakukan dosa dan maksiat yang akan menjerumuskan seseorang hamba ke dalam neraka.
2. Infak atau sedekah yang paling bernilai adalah daripada harta yang paling disayangi dan setiap amal kebaikan sama ada besar atau kecil tidak akan disia-siakan oleh Allah SWT akan ganjarannya.
3. Setiap ujian yang menimpa seseorang muslim akan menghapuskan dosa-dosanya dan seseorang hamba yang berpuasa akan sentiasa dalam pemeliharaan Allah SWT dan menjadi penyebab dibebaskan daripada api neraka.



RUJUKAN


Petikan al-Quran dan hadith:

1. Tafsir Pimpinan ar-Rahman, Cetakan Kedua puluh dua Darul Fikir/ 2013.
2. Al-Bukhari, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari, al-Jami' al-Sahih al-Musnad min Hadith Rasul Allah SAW wa Sunanih wa Ayyamih (Sahih al-Bukhari). Beirut: Dar Ibn Kathir, Cetakan 1/2002.
3. Al-Qusyairi, Abu al-Husayn Muslim ibn al-Hajjaj. Al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar Bi Naql al-'Adl 'An al-'Adl Ila Rasul SAW (Sahih Muslim). Muhammad Fuad 'Abd al-Baqi (ed). Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
4. Al-Sijistani, Abu Daud Sulayman bin al-Asy'ath. Sunan Abi Daud. Syu'aib al-Arnaut (ed). Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
5. At-Tirmizi, al-Hafiz Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa at-Tirmizi, al-Jami' al-Kabir, Dar al-Gharabi al-Islami, Cetakan 1/1996.
6. An-Nasaa'i, Abu Abdul Rahman Ahmad bin Ali bin Syu'aib bin Sinan, Sunan as-Sughra. Beirut: Mu'assasah al-Risalah., Cetakan Pertama/ 2001.
7. Al-Qazwini, Ibn Majah Muhammad Ibn Yazid, Sunan Ibn Majah. ed. Muhammad Fuad 'Abd al-Baqi. Dimasyq: Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah.
8. Ahmad bin Hanbal, Abu 'Abd Allah al-Shaybani, Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal, ed. Shu'aib al-Arna'ut. Beirut: Mu'assasah al-Risalah. Cetakan Pertama/ 2001.
9. .../



RUJUKAN

9. Ahmad bin Hanbal, Abu 'Abd Allah al-Shaybani, Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal, ed. Ahmad Muhammad Syakir. al-Qahirah: Dar al-Hadith. Cetakan Pertama/ 1995.
10. Al-Bukhari, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari, al-Adabul al-Mufrad, ed. Samir bin Amin az-Zuhairy. Ar-Riyadh: Maktabah al-Ma'arif. Cetakan Pertama/1998.
11. al-Hakim al-Naysaburi, Abu 'Abd Allah. al-Mustadrak 'ala al-Sahihayn. Al-Mar'ashli, Yusuf (ed.). Beirut: Dar al-Ma'rifah. Cetakan Pertama/1990.
12. Ibn Hibban, Muhammad bin Hibban bin Ahmad bin Hibban bin Mu'az bin Ma'bad at-Tamimy, al-Ihsan Fi Taqrib Sahih Ibn Hibban, ed. Shu'aib al-Arna'ut. Beirut: Mu'assasah al-Risalah. Cetakan Pertama/ 1998.
13. Al-Haythami, Abu Hussan Nuruddin Ali bin Abi Bakr bin Sulayman, al-Majma' al-Zawaaid, ed. Hisyamuddin al-Qudsy, al-Qahirah: Maktabah al-Qudsy. Cetakan Pertama/1994.
14. At-Tabrani, Abu al-Qasim Sulayman bin Ahmad, ad-Du'aa, Dar al-Basyair al-Islamiyyah, Cetakan 1/1987.
15. Ibn Rajab al-Hanbali, Abu Faraj 'Abdul Rahman bin Ahmad bin Rajab as-Sulami al-Baghdadi Thumma ad-Dimasyqi, Lataa'if al-Ma'arif Fiima Limawaasimi Min Wazhooif, Dar Ibn Kathir, Cetakan 5/1999.



PENGHARGAAN

1. Dato' Dr. Sirajuddin bin Suhaimee
2. Encik Mohd Salahuddin bin Dato' Mohamed
3. Puan Adawiah binti Lias
4. Puan Hazizah binti Yusoff
5. Encik Muhammad Nur Adzim bin Amran
6. Encik Muhammad Haafizuddin bin Abirerah
5. Encik Yus Mahadi bin Yusoff
6. Encik Mohamad Khalid bin Bahrudin
7. Encik Mohd Ghazali bin Mohamed Nor
8. Encik Mohammad Zaki bin Yahpar
9. Encik Shahrul Ridhwan bin S. Ali
10. Encik Munir Zihni bin Hassan
11. Puan Siti Zuraima binti Bujang
12. Puan Khadijah binti Hariri
13. Puan Suria binti Shapie
14. Puan Siti Rafidah binti Mohd Faudzi
15. Puan Nur Fazwanis binti Othman

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada para penulis, penyemak dan semua pihak dan individu yang telah berusaha bersungguh-sungguh dalam menyiapkan buku ini.

